

18 JANUARI 2018

Tangisan tali gantung

Siraj Mohd Zaini
siraj@hmetro.com.my

Shah Alam

Linangan air mata ahli keluarga mengiringi keputusan Mahkamah Tinggi di sini semalam, yang menjatuhkan hukuman gantung sampai mati kepada seorang pemandu teksi dan empat lelaki warga India atas dua pertuduhan mengedar dadah, lima tahun lalu.

Sejurus Hakim Datuk Ghazali Cha memutuskan demikian, ahli keluarga tertuduh, A Sargunan, 42, menangis teresak-esak, manakala empat lain iaitu Sumesh Sudhakaran, 30, Alez Aby Jacob Alexander, 37, Renjith Raveendran, 28, dan Sajith Sadanandan, 29, kelihatan sugul ketika dibawa keluar dari mahkamah itu.

Mahkamah mendapati kes melampaui keraguan munasabah dan pembelaan tertuduh hanya bersifat rekaan semata-mata.

Mengikut dua pertuduhan, mereka didakwa mengedar dadah methamphetamine seberat 4,252 gram (g) dan 1,506 g di Jalan Sungai Laling, Semenyih, kira-kira jam 9 pagi 26 Julai 2013.

Justeru, mereka melakukan kesalahan mengikut Seksyen 39B (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang

Tangisan tali gantung

■ Lima individu edar dadah dapat hukuman mati



TERTUDUH dibawa keluar dari Mahkamah Tinggi Shah Alam.

memperuntukkan hukuman mati mandatori, jika sabit kesalahan.

Ghazali dalam penghakimannya berkata, fakta menunjukkan banyak peralatan dan bahan kimia berada di dalam sebuah kilang iaitu

lokasi semua tertuduh ditahan.

"Semua profil asid deoksiribonukleik (DNA) yang diambil di tempat kejadian mempunyai kaitan dengan semua tertuduh seperti tuala, sarung tangan dan berus gigi.

"Bagi pemandu teksi itu, DNA miliknya turut berada pada tuala dan baju yang dijumpai di premis berkenaan. Tidak mungkin dia berada dalam kilang sekiranya dia hanya pemandu teksi," katanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Deepa Nair Thevahan manakala semua tertuduh masing-masing diwakili peguam Datuk N Sivananthan, Low Huey Theng dan Jayarubbiny.